

TENGGU MAHMUD ZUHDI AL-FATHANI
TOKOH ULAMA TERMASYHUR DALAM PERKEMBANGAN ISLAM
DI SELANGOR SEBELUM MERDEKA (1900-1957)

Sharifah Aqilah Binti Syed Redzwan, Nurul Fatimah Binti Taslim, Nurul Hidayah Binti
Mohammad Ismail, Nur Syafiqah Binti Ibrahim, Nur Fadhilah Binti Zaini
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Norsaadah Bt Din @ Mohamad Nasirudin
Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam
Pusat Pengajian Teras
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Kedatangan para ulama di Selangor dicatatkan bermula pada zaman Sultan Selangor Ke-3 iaitu Sultan Mahmud (1826-1857M) sebelum sekolah pondok dan institusi pendidikan moden diwujudkan. Ini menunjukkan hubungan antara umara dan ulama ketika itu sangat erat. Justeru objektif artikel ini memperkenalkan seorang tokoh ulama yang masyhur dalam perkembangan Islam di Selangor sebelum merdeka iaitu Syeikhul Islam Tengku Mahmud Zuhdi bin Tengku Abdul Rahman. Peribadinya sebagai pendakwah istana bukan sahaja melalui sosok tubuhnya malah melalui penulisan kitab-kitabnya. (Ismail Hamid 1982: 99; A.H. Johns 1961: 145) Antara sumbangan melalui penulisan ini dengan menyingkap ketokohan ulama dapat memberi motivasi kepada golongan belia dalam mencintai ilmu agama serta semangat memperjuangkan demi agama, bangsa dan negara.

Kata kunci: Tengku Mahmud Zuhdi Al-Fathani, Ulama Termasyhur, Selangor, Sebelum Merdeka

PENGENALAN

Usaha untuk membangunkan semula tamadun ummah tidak terlepas daripada sejarah kesarjanaan ummah itu sendiri. Dalam konteks ini, mengenali para ilmuwan dan kesarjanaan mereka dalam pelbagai bidang ilmu secara lebih dekat adalah aset utama dalam kerangka pembangunan tersebut. Mereka adalah insan yang bekerja keras kerana Allah, agama dan perjuangan Rasul-nya, menepati tanggungjawab mereka sebagai pewaris para anbiya'.

Syeikhul Islam YM Raja Haji Mahmud Zuhdi bin Abdul Rahman al-Fathani (1930-1935M). dilantik sebagai Syeikhul Islam pada 1935-1952M. Para ulama pada masa itu berperanan secara aktif di dalam kerajaan negeri Selangor. Bahkan ada juga ulama di waktu itu yang tidak terlibat langsung dengan kerajaan atau berjawatan tinggi tetapi mereka aktif dalam perkembangan pendidikan Islam di Selangor. (Aisyah Ab Rahim, Mohd Roslan Mohd Nor, 2014).

BIOGRAFI

Nama lengkap beliau ialah Tengku Mahmud Zuhdi al-Fathani bin Tuanku Nur bin Raja Belat Ibnu Raja Datu al-Fathani al-Jawi. Ayahnya adalah seorang raja di Jambu-Patani yang telah ditangkap oleh Siam dan ditempatkan di istana tersendiri di Ban Sim Dip, Bangkok. Ibunya bernama Kalsum binti Haji Sa'ad, berasal dari India. Tengku Mahmud Zuhdi dilahirkan di Ban Sim Dip, Bangkok pada tahun 1293H/1876M dan meninggal dunia di Makkah pada 6 Rabi'ul Awwal 1376H/10 Oktober 1956M.

PENDIDIKAN

Dari aspek pendidikan ayahandanya sendiri yang mengajar pendidikan asas ilmu-ilmu Islam dan pengetahuan tentang raja-raja melayu walaupun keadaan darurat iaitu ketika dalam tahanan. (Abdullah, 2009) Selain itu beliau pernah menuntut ilmu dengan Syeikh Abdul Latif bin Mustafa al-Fathani di Thait (pinggiran kota Bangkok). Dalam usia 8-9 tahun (1302H/1885M), beliau telah dihantar ke Makkah al-Mukarramah untuk menimba ilmu pengetahuan. Di Makkah, beliau diserahkan kepada Sheikh Ahmad al-Fathani. Sheikh Ahmad al-Fathani sendiri yang mendidik beliau dan mendaftarkan beliau di Maktab Shaulatiyah, institusi pendidikan yang diasaskan oleh orang India. Oleh demikian, Tengku Mahmud Zuhdi memperolehi dua sistem pendidikan iaitu sistem tradisional pondok dan sistem persekolahan. Beliau telah diberikan kebenaran untuk mengajar di Masjidil Haram Makkah. Selain itu, beliau juga pernah belajar dengan Mukhtar Atharid Bogor.

KETOKOHAN

Tengku Mahmud Zuhdi adalah murid yang paling cemerlang di sekolah itu. Oleh itu, beliau diminta mengajar di sekolah itu pada tahun 1895M. Pada tahun 1900M, Syeikh Ahmad al-Fathani mendesak beliau supaya melanjutkan pelajaran ke Mesir bersama-sama dengan Syeikh Muhammad Nur al-Fathani, Syeikh Tahir Jalaluddin Minangkabawi dan lain-lain. Di Mesir, beliau hanya memperdalam pelbagai ilmu yang telah beliau pelajari di Makkah, terutama ilmu falakiah dan ilmu khat. Pada tahun 1905M beliau lulus dari peperiksaan Hasyimiyah (syarif Husein) dengan memperolehi Syahadah al-Kubra dan memperolehi kebenaran mengajar di Masjidil Haram Makkah.¹⁵ Tengku Mahmud Zuhdi telah berhijrah dari Makkah ke Jambi, Sumatra pada 1344H/1925M. Di Jambi, beliau telah mendirikan sekolah Arab di Tahlul Yaman.

Apabila Sultan Sulaiman Syah mendengar ulama tersebut berada di Jambi, baginda sendiri berkenan mencemar duli datang ke Jambi untuk mengajak Tengku Mahmud Zuhdi berpindah ke Selangor. Beliau telah berangkat ke Klang pada tahun 1929M dan diamanahkan menjawat jawatan sebagai Penasihat Agama Selangor dan kemudian beliau telah dilantik menjadi Syeikhul Islam Setia Diraja Selangor. Beliau mempunyai hubungan yang sangat baik dengan Sultan Sulaiman iaitu Sultan Selangor yang kelima yang bertahta pada 1898-1938M, dan memerintah selama lebih kurang 40 tahun. Semasa beliau berkhidmat di Pejabat Agama Islam Klang, beliau sering diundang oleh para ulama untuk mengajar di masjid-masjid dan juga pondok terutamanya oleh Kiyai Haji Muhammad Ali yang sering menjemput beliau untuk mengajar di pondoknya di Sijangkang. Beliau seorang yang tegas dan garang sehinggakan Shaikh Mahmud Arif al-Bukhari yang terkenal dengan ketegasan beliau juga tidak dapat menandingi ketegasan Tengku Mahmud Zuhdi. Pernah satu ketika beliau mengharamkan loteri (Kebajikan masyarakat) yang diasaskan oleh al-Marhum

Tengku Abdul Rahman al-Haj, malangnya tidak mendapat sokongan dari mufti seluruh Tanah Melayu, lantas beliau mengambil keputusan meninggalkan Tanah Melayu dan pulang ke Makkah.

SUMBANGAN PENULISAN

Bakat Tengku Mahmud Zuhi dalam penulisan adalah beliau mampu mengarang dalam dwi bahasa iaitu bahasa Arab dan bahasa Melayu. Antara karangannya ialah:

1. Al-Faridatus Saniyah wal Khuthbatul Bahiyah
Diselesaikan hari Isnin, akhir Muharam 1321H. Cetakan pertama Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah Makkah 1331H. Kata pujian oleh Syeikh Abdullah Daud al-Fathani dan saudaranya Syeikh Muhammad Nur Daudi al-Fathani. Kandungannya mengenai khutbah Jumaat. Pada halaman akhir terdapat puisi Syeikh Abdullah Daud Fathani dan puisi pengarangnya. Kedua-duanya dalam bahasa Melayu.
2. Janiyatus Tsamarat fi Ta'rif Ba'dhil Kalimat,
Diselesaikan di Makkah, subuh Jumaat awal Rabiulawal 1325H. Cetakan pertama Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Makkah 1325H. Kandungannya membicarakan nahu dalam bahasa Arab yang merupakan syarah Matan al-Ajrumiyah. Pada cetakan ini terdapat juga ilmu isti'arah karya gurunya Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani.
3. Syarh Tadrijis Sibyan ila Tasywiqil Bayan,
Diselesaikan di Makkah 1330H. Cetakan pertama Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Makkah 1332H. Pada bahagian tepi dicetak matan ilmu tersebut yang disusun oleh gurunya Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani. Kata pujian oleh Saiyid Abdullah bin Saiyid Muhammad Shalil az-Zawawi (Mufti Makkah al-Mukarramah). Kandungannya membicarakan ilmu asti'arah (bahagian ilmu bayan) dan ditulis dalam bahasa Arab yang merupakan syarah karya gurunya Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani.
4. Tsimarul Khutbah al-Mahbarah al-Minbariyah,
Diselesaikan Muharam 1335H. Dicitak oleh Mathba'ah Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah. Mengandung kumpulan khutbah dan terdapat berbagai-bagai amalan.
5. Tazkiyatul Anzhar wa Tashfiyatul Afkar
Diselesaikan pada hari Jumaat, 7 Muharam 1339 Hijrah. Dicitak oleh Mathba'ah Dar at-Thiba'ah al-Islamiyyah, Patani. Kata pujian oleh Syeikh Muhammad Mukhtar bin `Atharid Bogor, Syeikh Abdul Qadir bin Shabir Mandailing, Syeikh Muhammad Nur al-Fathani, Syeikh Muhammad bin Abdul Qadir al-Fathani, Syeikh Yahya Legih ar-Ramani al-Fathani, Syeikh Ismail/Pak De `El bin Abdul Qadir al-Fathani, Syeikh Muhammad Nashir al-Fathani, bertarih 16 Zulkaedah 1339 Hijrah dan Syeikh Abdul Haq, tahun 1341 Hijrah. Pentashihnya adalah Syeikh Abdullah bin Ibrahim Langgar al-Qad-hi. Kandungannya menolak beberapa pemikiran Kaum Muda terutama karangan Mufti Haji Wan Musa Kelantan.

6. Karya 'Pemudahan Yang Disayang'
Diselesaikan pada hari Jumaat, 7 Muharam 1343 Hijrah. Dicitak oleh Mathba'ah Al-Ahmadiyah, 82 Jalan Sultan Singapura, 1345 Hijrah /1927 Masihi. Kandungannya mengenai melakukan fidiyah menurut Mazhab Hanafi yang boleh dipakai dalam Mazhab Syafie.
7. Karya 'Pegangan Yang Terutama Pada Sedikit Daripada Pangkal Ugama'
Diselesaikan pada 10 Syaaban 1352 Hijrah. Dicitak pada hari Rabu, 2 Safar 1353 Hijrah/16 Mei 1934 Masihi, tanpa disebut tempat mencetaknya. Kandungannya membicarakan akidah.
8. Tamhidul Manahij al-Adabiyah fi 'rabi Mabanil Ajrumiyah
Diselesaikan pada hari Isnin, 10 Zulkaedah 1352 Hijrah. Jilid 1 dan 2 dicitak oleh The New Klang Press, Klang, pada hari Isnin, 11 Rejab 1352 Hijrah/30 Oktober 1933 Masihi. Jilid 4, dicitak oleh Persama Press, Penang. Kandungannya mengenai ilmu nahu dan merupakan huraian Matan Ajrumiyah.
9. Karya 'Dua Khutbah Bagi Dua Hari Raya Fitrah Dan Adha'
Tidak terdapat tahun selesai penulisan. Cetakan yang pertama Mathba'ah al-Ishlah, Jeddah. Dicitak atas perbelanjaan pengarang sendiri. Kandungannya mengenai khutbah, doa khatam al-Quran untuk kenduri, talqin mayat dan doa Nisfu Syaaban. (Mohamad, 2008)

KERABAT DIRAJA SELANGOR

Tengku Mahmud berhijrah dari Mekah ke Jambi, Sumatera. Beliau sampai di Jambi pada hari Khamis, 6 Rabiulawal 1344 Hijrah/23 Oktober 1925 Masihi. Di sana beliau mendirikan sekolah Arab di sebuah tempat yang bernama Tahtul Yaman. Apabila Sultan Sulaiman Syah mendengar ulama tersebut berada di Jambi, baginda sendiri datang ke Jambi mengajak Tengku Mahmud supaya pindah ke Selangor. Tengku Mahmud berangkat ke Klang pada tahun 1929. Pada mulanya beliau dilantik sebagai Penasihat Agama Selangor, selanjutnya menjadi Syeikhul Islam Setia Diraja Selangor. Di Selangor Tengku Mahmud berkahwin dengan Tengku Hajah Safiah, puteri Sultan Abu Samah bersama isterinya Tengku Kubis. Tengku Mahmud berkahwin beberapa kali, isterinya di Kelantan bernama Tengku Maryam. Di Kedah beliau berkahwin dua kali dan di Patani sekali. Anak perempuannya yang bernama Tengku Aminah (tidak jelas daripada isterinya yang mana) berkahwin dengan Tengku Badli Syah (Tengku Laksamana Selangor) ibni Sultan Hisyamuddin Alam Syah (Abdullah, 2009).

MURID – MURIDNYA

Di kalangan kerabat Diraja Selangor termasuk Sultan Sulaiman (mangkat 1937), putera baginda Tengku Haji Ibrahim Syah (Tengku Sri Wangsa) adalah murid Tengku Mahmud Zuhdi. Selain itu, Tengku Mahmud telah mencetuskan idea sehingga berdirinya madrasah di Klang yang bernama Marta' al-Ulum ad-Diniyah (1933 sampai tahun 1945). Pada tahun 1945, madrasah ini terpaksa ditutup kerana perang dunia ke-II. Setelah peperangan

selesai madrasah tersebut dibuka kembali dengan mudirnya Hj. Abdul Ghani bin Hj. Othman. Selanjutnya ia dipimpin oleh Sayid Abdul Aziz asy-Syami al-Masri dan nama madrasah tersebut diganti dengan Darul Ulumid Diniyah. Kemudian setelah pimpinannya beralih kepada Sayid Mahmud `Arif Bukhari, madrasah tersebut kembali kepada nama asalnya, iaitu Marta' al-Ulum ad-Diniyah. Seorang ulama besar berbangsa Arab dan berasal dari Mekah yang pernah belajar kepada Tengku Mahmud sewaktu di Klang, ialah Sayid Mahmud `Arif al-Bukhari.

Ramai para pentadbir Islam di dalam Selangor yang menjadi murid kepada Tengku Mahmud, di antara mereka ialah Ustaz Ahmad Dahlan bin Abdul Mannan, bekas Pembantu Pelajaran Agama di Jabatan Agama Islam Selangor, Ustaz Hj. Abdul Jalil Safwan bin Hj. Abdul Rahman, bekas Yang Dipertua Persatuan Guru-Guru Islam Selangor (PEGUAM) dan ramai lagi. Murid Tengku Mahmud Zuhdi yang mempunyai hubungan dengan golongan korporat pula, seperti Haji Abdullah bin Faqih, ayah kepada Dato' Hj. Shahrani, D.P.M.S, J.P, F.C.I.T, Group Executive Chairman, Shapadu Corporation Sdn. Bhd. Dato' Hj. Shahrani Hj. Abdullah adalah salah seorang usahawan yang berjaya, berasal dari Selangor dan beliau berminat terhadap khazanah dunia Melayu. (Abdullah, 2009) (Santoso, 2008)

PENUTUP

Perkembangan Islam di Selangor bermula sebelum merdeka lagi. Ini menunjukkan hubungan pertautan yang rapat dan tidak boleh dipisahkan antara umara dan ulama. Peranan dan sumbangan ulama tidak dapat disangkal sebagai guru dan rujukan agama secara umumnya. sehingga berjaya membentuk sahsiah muslim yang taat dan patuh dengan ajaran agama Islam. Dengan keberkatan usaha ulama, maka keaslian ajaran Islam dapat dipelihara dan kesedaran terhadap agama semakin bertambah di kalangan generasi seterusnya. Meskipun jasad telah bersemadi di alam kubur, namun ilmu yang dicurahkan terus kekal hingga hingga akhir zaman. Semoga ruh beliau dan para ulama yang lain bersama para syuhada dan salafsoleh.

RUJUKAN

- Abdullah, W. S. (2009). Tengku Mahmud Zuhdi - Syeikhul Islam Selangor. Negeri Sembilan: Yayasan Sofa.
- Ahmad Zaki bin Hj.Arshad, "Hubungan Antara Umara" dan Ulama di bawah Pemerintahan Duli-Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor" (makalah,Seminar Tokoh Ulama Selangor,Jabatan Peradaban dan Pemikiran Islam, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan Jabatan Dakwah Islam Selangor, 2008).
- Aisyah Ab Rahim, Mohd Roslan Mohd Nor. (2014). Tokoh Ulama Termasyhur Dalam Perkembangan Islam Di Selangor Sebelum Merdeka (1900-1957) : Satu Tinjauan Biografi. Jurnal Al-Muqaddimah Bil 2 (2) 2014, 90-101.
- Auni Abdullah, Islam dalam Sejarah Politik dan Pemerintah Alam Melayu (Kuala Lumpur : Nurin Enterprise, 1991).
- Mohamad, A. A. (2008). Tokoh-tokoh Ulama Selangor. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Muhammad bin Santoso, "Tengku Zuhdi Al-Fathani : Syeikh al-Islam Selangor Bersama Sultan Syah Menyebarkan Agama" (makalah,Seminar Tokoh Ulama Selangor,Jabatan Peradaban dan Pemikiran Islam, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan Jabatan Dakwah Islam Selangor, 2008).